

**Ucapan Dato' Naib Canselor**  
**Bengkel Penubuhan Universiti Penyelidikan**  
**18 Januari, 2012**

(Protokol)

Terima kasih kepada semua yang hadir pada pagi ini.

Kita berada di sini kerana ingin melaksanakan sebuah amanah yang amat besar sekali – iaitu berusaha sedaya upaya agar UniMAP dapat menjadi sebuah universiti penyelidikan.

Sesungguhnya, hasrat tersebut bukannya baru. Sejak Universiti ini mula-mula ditubuhkan lagi, penyelidikan diberi perhatian khusus. Ini kerana penyelidikanlah yang mendasari proses pengajaran dan pembelajaran yang baik. Tanpa penyelidikan, maka pengajaran yang disampaikan kepada pelajar-pelajar kita tidak ubah seperti di sekolah sahaja, dan bukannya di universiti.

Di samping itu, saya juga melihat bahawa dengan kaedah penyelidikan, manfaat yang banyak dapat dihasilkan – bukan sahaja untuk komuniti saintifik, tetapi sesiapa sahaja di dalam komuniti setempat dan negara. Hasil penyelidikanlah yang akan memacu pembangunan masyarakat, negara, dan dunia.

Tanpa penyelidikan, kita tidak dapat bersaing dengan sewajarnya dengan sesiapa pun, dan sudah pasti kita akan ketinggalan di belakang. Dalam dunia tanpa sempadan masa kini, kita sebenarnya tiada pilihan

lagi. Hanya dengan penyelidikan sahajalah kita boleh membantu Malaysia beredar memasuki era ilmu dan era k-ekonomi yang gah. Hanya dengan penyelidikan jugalah kita boleh berfungsi di peringkat global, dan membangunkan industri yang berasaskan ilmu.

Untuk menjadi universiti yang mempunyai keterlihatan antarabangsa yang menyerlah, menjadi sebuah universiti penyelidikan seharusnya merupakan agenda utama kita. Lebih-lebih lagi, Kerajaan kita amat mengharapkan agar university menjalankan penyelidikan dengan sebanyak yang mungkin.

Banyak kelebihan yang bakal kita perolehi sekiranya kita berjaya dalam arena ini. Pertama-tamanya, kita akan diberi dana penyelidikan yang tinggi, dan ini membolehkan aktiviti penyelidikan dilipat-gandakan. Bilangan GO, RO, dan RA, serta pelajar pasca sizarazah juga akan dapat kita tingkatkan dengan banyaknya. Kesemua itu nanti, insya Allah, akan menjadikan bilangan kertas kerja dan produk kita bertambah, dan seterusnya, menjulang nama UniMAP di persada negara dan dunia.

Saya tidak perlu bercakap panjang, kerana akan ada taklimat tentang universiti penyelidikan yang bakal diberikan oleh pihak R & D. Namun, saya hanya ingin mengajak kesemua saudara saudari yang berada di sini untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan agenda yang amat penting ini.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Prof Syed Alwee Aljuneid dan rakan-rakannya di Bahagian R&D atas persiapan yang dilakukan untuk bengkel ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf yang terlibat – samada secara langsung

ataupun tidak langsung – kerana menjalankan tugas dengan amat baik sekali sehingga UniMAP berada di tempatnya sekarang ini.

Selamat berbengkel.

Sekian, wabillahi taufik, walhidayah, wassalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.